



MINISTRY OF COMMUNICATIONS  
AND MULTIMEDIA MALAYSIA



# SIARAN MEDIA

13 FEBRUARI 2019

UNTUK SIARAN SEGERA

## SAMBUTAN HARI KESELAMATAN INTERNET 2019: BELIA JADI SASARAN DALAM USAHA MEWUJUDKAN KESEJAHTERAAN SIBER MELALUI KONSEP KEWARGANEGARAAN DIGITAL

**PUTRAJAYA (13 FEBRUARI 2018)** – CyberSecurity Malaysia dengan sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) hari ini melancarkan sambutan Hari Keselamatan Internet 2019 atau *Safer Internet Day* (SID) 2019 - Edisi Malaysia. Majlis dirasmikan oleh YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia di perkarangan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Putrajaya.

SID mula diperkenalkan oleh InSAFE European Union (EU) yang berpangkalan di Belgium pada tahun 2004. Ia merupakan sambutan global yang diraikan oleh lebih 100 buah negara bagi mempromosi kesedaran keselamatan internet. Tujuan SID disambut adalah untuk menjadikan pengguna internet sebagai individu yang bertanggungjawab dan menggunakan teknologi dan internet serta aplikasinya secara positif. Pada 2019, sambutan SID peringkat global diraikan pada 5 Februari 2019 (Selasa) bertemakan “*Together for a better internet*”.

Di Malaysia, sambutan SID bermula pada tahun 2010. Ia dipacu oleh CyberSecurity Malaysia dengan sokongan rakan-rakan strategik yang turut melestari agenda keselamatan internet di Malaysia. Pada tahun ini, tema sambutan SID 2019 – Edisi Malaysia ialah “Kesejahteraan Siber” (*Cyber Wellness*). Fokus utama diberikan kepada dua dari sembilan elemen Kewarganegaraan Digital, iaitu Kesihatan Digital (*Digital Health*) dan Etiket Digital (*Digital Etiquette*) manakala sasaran bagi penyampaian mesej-mesej berkaitan elemen tersebut ialah golongan belia berumur di antara 15 – 30 tahun.

Pada tahun 2018, CyberSecurity Malaysia menerima sebanyak 10,699 insiden keselamatan siber yang dilaporkan oleh pengguna internet ke Pusat Bantuan Cyber999. Dari jumlah



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia  
(726630-U)

T +603 8992 6888  
F +603 8992 6841  
H 1 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 5, Sapura@Mines  
No 7, Jalan Tasik  
The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

tersebut, Penipuan (*Fraud*) mencatat pelaporan tertinggi sebanyak 5,123 diikuti Cubaan Pencerobohan (*Intrusion Attempt*) – 1,805, Kod Berbahaya (*Malicious Code*) – 1,700, Pencerobohan (*Intrusion*) – 1,160 dan Gangguan Siber (*Cyber Harassment*) – 356 insiden.

Menurut Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia “SID menjadi acara tradisi CyberSecurity Malaysia dalam meneruskan usaha menyebarkan pemahaman mengenai kepentingan keselamatan siber dan internet kepada warga digital Malaysia. Tema yang dipilih pada tahun ini sejajar dengan konsep Kewarganegaraan Digital (*Digital Citizenship*) yang merupakan satu inisiatif baharu di bawah Program CyberSAFE. Ia bertepatan dengan tema global iaitu mewujudkan persekitaran siber yang selamat dan sejahtera melalui penggunaan internet yang positif.”

Bagi merealisasikan matlamat sambutan SID 2019 - Edisi Malaysia, beberapa program telah dikenalpasti, antaranya:-

### **Kempen “MyDigitalH2O”**

- H2O yang merupakan formula kimia bagi air adalah salah satu daripada empat elemen kehidupan. Secara simbolik, penggunaan H2O dalam kempen ini melambangkan keperluan kita kepada teknologi digital dan internet yang merupakan sebahagian dari gaya hidup masa kini yang mampu membentuk sahsiah diri individu. Dalam konteks ini, H2O dilihat sebagai “Health to Others” bertujuan untuk mengoptimumkan kesihatan digital diri sendiri dan dalam masa yang sama membantu orang lain di dunia digital untuk membentuk kesejahteraan siber.
- Melalui kempen ini, penyebaran mesej-mesej berkaitan Kesihatan Digital dan Etiket Digital dalam bentuk kreatif dilakukan melalui rangkaian media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, YouTube serta LinkedIn termasuk melalui aplikasi Whatsapp. Orang ramai diminta untuk menyokong dengan berkongsi mesej-mesej tersebut melalui rangkaian media sosial mereka dan menggunakan tanda pagar (*hashtag*) berikut: #mydigitalH2O, #saferinternetday2019, #SID2019 and juga #cybersafemalaysia.

### **Penerbitan Video Kesejahteraan Siber**

- Video berbentuk *thematic* berunsurkan pendidikan bagi memupuk kesedaran pengguna internet akan diterbitkan bagi memaparkan mesej-mesej Kesejahteraan Siber.

### **Pertandingan Cyber Heroes 2019**

- Pertandingan Cyber Heroes 2019 diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baharu dalam bidang pertahanan siber serta menerapkan minat dalam kalangan generasi muda bagi memelihara keamanan dan pertahanan ruang siber Malaysia. Pertandingan ini disasarkan kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan akan diadakan pada 6 Mac 2019 di Asia Pacific Universiti (APU), Bukit Jalil.

### **Seminar Kesejahteraan Siber (*Cyber Wellness Seminar*)**

- Seminar bertajuk “Kesejahteraan Siber Belia di Era Digital” (*Youth Cyber Wellness In The Digital Era*) akan berlangsung pada 7 Mac 2019, Khamis bermula jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang di Hotel Marriot Putrajaya. Penyertaan terbuka kepada semua pengguna internet, khususnya golongan belia. Tiada yuran penyertaan dikenakan manakala pendaftaran boleh dibuat melalui laman SID 2019 – Edisi Malaysia: <https://www.cybersafe.my/saferinternetday/>

SID 2019 - Edisi Malaysia mendapat sokongan pelbagai Kementerian, antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Manakala rakan strategik yang memberi kerjasama ialah Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN), MyNIC, Majlis Belia Malaysia (MBM), Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), National Council of Women's Organisation Malaysia (NCWO), Lim Kok Wing Creative University, Youth Trust Foundation (myHarapan), Internet Society Malaysian Chapter (ISOC), UNICEF, Malaysian Youth Mental Health Initiatives (MINDA), DiGi Telecommunications, BAE Systems, Tech Capacity, Genovasi, MINDA serta Institusi Pengajian Awam dan juga Swasta.

~ Tamat ~

---

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) atau +603-89926888.

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) dan Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945).